PENGENALAN

Program Kembara Warisan 2011 (Sabak Bernam – Kuala Selangor) merupakan aktiviti mencari harta karun yang bercirikan warisan budaya setempat. Program ini bermula dari Muzium Pertanian dan Perikanan Daerah Sabak Bernam dan berakhir di Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor, Bukit Malawati.

HADIAH

JUARA
RM 2,000.00 + HAMPER + SIJIL

NAIB JUARA
RM 1,500.00 + HAMPER + SIJIL

KETIGA
RM 1,000.00 + HAMPER + SIJIL

KE 4 HINGGA KE 6
RM 200.00 + HAMPER + SIJIL

KE 7 HINGGA KE 10
HAMPER + SIJIL BAGI SETIAP KATEGORI

**Sijil akan diberikan kepada setiap penyertaan.*

SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan ini terbuka kepada Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Borang penyertaan mestilah diisi lengkap dan ditulis jelas. Salinan fotostat dibenarkan dan borang boleh dimuat turun di laman web www.padat.gov.my dan dihantar melalui email info.padat.gov.my
3. Penyertaan adalah secara berpasukan. Setiap pasukan mestilah diwakili oleh 4 orang peserta dengan menggunakan sebuah kenderaan jabatan atau persendirian.
4. Kenderaan yang akan menyertai acara ini hendaklah didaftar dan dilesenkan mengikut kehendak-kehendak Seksyen-seksyen 5 dan 7 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Seksyen-seksyen serta Kaedah-kaedah berkaitan.
5. Kenderaan-kenderaan yang akan menyertai acara ini hendaklah di dalam keadaan yang memuaskan (Road Worthy) dan mematuhi kehendak-kehendak serta Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959.
6. Pemandu-pemandu kenderaan yang akan menyertai acara tersebut perlu memiliki lesen memandu yang sah mengikut kehendak-kehendak Seksyen 26 APJ 1987 dan Seksyen-seksyen serta Kaedah-kaedah yang berkaitan.
7. Kenderaan-kenderaan yang berkenaan perlu diliputi dengan insurans mengikut kehendak-kehendak peruntukan di Bahagian IV APJ 1987.
8. Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM150.00** bagi satu pasukan. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau Pesanan Kerajaan/L.O kepada:
   Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor
   No.akaun CIMB: 1205-1307659-059
   Yuran tidak akan dikembalikan sekiranya peserta membatalkan penyertaan.
9. Bayaran yuran termasuk, t-shirt pertandingan, makanan, insurans berkelompok.
10. Penukaran peserta di saat akhir tidak dibenarkan.
11. Setiap peserta mestilah sihat dari segi fizikal dan mental serta tidak mempunyai penyakit yang serius dan berjangkit.
12. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan, kecurian, kehilangan harta benda dan perkara yang tidak diingini berlaku semasa pertandingan berlangsung. Walau bagaimanapun pihak penganjur akan memastikan langkah-langkah keselamatan diambil perhatian.
13. Pihak penganjur berhak menolak sebarang penyertaan sekiranya terdapat keraguan.
14. Peserta adalah tertakluk kepada segala syarat dan peraturan.
15. Peserta diminta membawa pakaian tambahan yang sesuai.
16. Sesi taklimat dan pemberian nombor penyertaan akan diadakan pada **3 Disember 2011 (Sabtu) jam 8.30 pagi bertempat di Perkarangan Muzium Perikanan dan Pertanian Daerah Sabak Bernam.**
17. Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang rayuan, surat menyurat dan bantahan tidak akan dilayan.
18. Borang Penyertaan dan bukti /slip bayaran boleh dihantar melalui pos, faks, email atau tangan sebelum atau pada **18 November 2011 (Jumaat) jam 4.30 petang** di alamat seperti berikut:

Urusetia Kembara Warisan 2011 (Sabak Bernam – Kuala Selangor)
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,
D/A Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam

PERINGATAN

Setiap peserta diwajibkan mematuhi semua peraturan dan undang-undang jalan raya disepanjang tempoh acara berlangsung. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana pasukan yang melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang jalan raya.

BORANG PENYERTAAN

POTONG DISINI

Nama Kumpulan																					
No.Pend.Kereta		Tarikh Luput Cukai Jalan																			
Nama Pemandu			No.K/P																		
No.Lesen Pemandu			Tarikh Luput Lesen																		
No.Telefon			E-mail																		
Juru Pandu Arah			No.K/P																		
No.Lesen Pemandu			Tarikh Luput Lesen																		
No.Telefon			E-mail																		
Nama Penumpang 1			No.K/P																		
No.Telefon			E-mail																		
Nama Penumpang 2			No.K/P																		
No.Telefon			E-mail																		
Saiz T-Shirt :	S =		M =				L=										XL=				XXL=

POTONG DISINI

BERHATI-HATI DI JALAN RAYA BERHATI-HATI DI JALAN RAYA